

04/09/1997

Memantap rentak Pemuda, Wanita Umno

HARI ini Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno akan bersidang. Ini adalah kali pertama kedua-dua ketua pergerakan itu - Datuk Ahmad Zahid Hamidi bagi Pemuda dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman bagi Wanita, menerajui sepenuhnya persidangan agung pergerakan masing-masing selepas menduduki kerusi berkenaan pada pemilihan tahun lalu. Perhimpunan agung ini bukan diadakan untuk mengukur kemampuan kedua-dua pemimpin pergerakan itu. Ia lebih menjurus kepada isu kepentingan negara dan arah perjuangan.

Disebabkan ini adalah fasa pertama kepemimpinan baru kedua-dua pergerakan itu, adalah lebih wajar sebarang perdebatan dan perbincangan ditujukan kepada soal yang menyentuh pembangunan rakyat dan cabaran yang akan dihadapi pada masa depan. Setahun adalah tempoh yang singkat bagi Zahid dan Dr Zaharah memimpin pergerakan masing-masing. Namun, kawalan yang dapat dilakukan ialah meredakan masalah politik dalaman berikutan kesan pemilihan tahun lalu. Ini boleh dianggap sebagai kekuatan kedua-dua pergerakan itu. Kerjasama dengan pergerakan Pemuda dan Wanita komponen parti Barisan Nasional (BN) juga kian mantap meskipun ia adalah warisan daripada kepemimpinan sebelumnya. Walaupun ada terdengar rungutan di kalangan Pemuda dan Wanita Umno berhubung corak kepemimpinan kedua-dua pergerakan itu, kita menganggap ia adalah perkara biasa yang menghidupkan suasana politik negara. Setiap pemimpin mempunyai gaya tersendiri.

Apa yang penting, kedua-dua pergerakan itu tetap padu. Walaupun ada isu tertentu yang dibangkitkan, terutama oleh Pergerakan Pemuda, yang dilihat tidak menepati kehendak umum atau agenda nasional, kita menganggapnya sebagai satu proses kematangan. Sebagai mewarisi pemimpin pelapis, kita masih boleh menerima hakikat kepemimpinan kedua-dua pergerakan itu cuba menyesuaikan diri dengan keadaan. Pergerakan Pemuda pimpinan baru ini masih mencari rentak untuk menseimbangkan antara perjuangan Pergerakan yang dianggap sebagai 'darah muda' dengan cara pemimpin Umno menyelesaikan sesuatu masalah. Daripada beberapa tindakannya berhubung sesuatu isu, Zahid umpamanya cuba mendahului sesuatu keputusan sebelum pihak kepemimpinan parti dan kerajaan mengatur langkah lebih teratur. Akibatnya timbul semacam konflik antara pergerakan itu dan badan induk Umno. Persoalannya apakah perlu pergerakan itu mengambil bahagian dalam sesuatu isu yang tidak memerlukan campur tangan pergerakan itu? Kita percaya penilaian yang lebih terperinci boleh dibuat oleh anggota pergerakan itu sendiri.

Namun, sesuatu yang tidak boleh diragui ialah pergerakan itu tetap menjadi sayap penting kepada Umno. Mereka bersedia menjadi benteng dalam setiap cabaran yang datang. Kita meletakkan keyakinan bahawa ciri kepemimpinan Pergerakan Pemuda yang ada sekarang akan lebih matang dan menyerlah. Terpulanglah kepada pergerakan itu menentukan arah tindakan mereka.

Bagi Pergerakan Wanita, Dr Zaharah lebih mementingkan soal perpaduan dalam pergerakan itu. Kita percaya ini menjadi agenda utama pergerakan itu buat masa ini melihat kepada kesengitan pemilihan dalam pergerakan itu tahun lalu. Dalam setiap kenyataan dan tindakan berhubung pergerakan itu, dibuat dengan berhati-hati, mungkin kerana tidak mahu menimbulkan kekecohan yang tidak memberi faedah kepada parti. Ia berlandaskan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan setiap pertubuhan mengekalkan perpaduan.

Dalam mana-mana pertubuhan, perpaduan adalah elemen terpenting untuk

mbolehkan kepemimpinan mengatur sebarang tindakan. Jika keadaan dalaman berceramuk, tidak ada perkara yang boleh dilakukan. Kita percaya selepas pergerakan itu berjaya memantapkan perpaduan anggotanya, agenda berikutnya akan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kita boleh menjangkakan beberapa isu yang mendesak kedua-dua pergerakan itu bertindak lebih agresif terutama dalam soal ekonomi orang Melayu akan ditimbulkan dalam perhimpunan agung itu. Cara kedua-dua pergerakan itu bertindak mungkin berbeza, tetapi matlamatnya tidak berganjak daripada asas menjaga kepentingan orang Melayu dan seluruh rakyat di negara ini.

Kita berpendapat, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno perlu mengekalkan keyakinan rakyat bahawa kedua-dua pergerakan itu adalah pertubuhan yang terus dihormati dan berwibawa. Walaupun adakalanya corak pemikiran kedua-dua pergerakan itu tidak sehaluan dengan kepemimpinan tertinggi parti, namun ia mestilah selari dengan aspirasi nasional. Kita juga memang tidak mengharapkan kedua-dua pergerakan itu menjadi pak turut kerana ia tidak melambangkan kebebasan bertindak. Tetapi, dalam setiap tindakan, ia mestilah mempunyai alasan yang boleh diterima.

(END)